

# Kerajaan negeri beri tumpuan bina kualiti kehidupan lebih baik penduduk tempatan

NST 2.8.2018 6  
OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Pembantu Menteri Pendidikan dan Inovasi, Jenifer Lasimbang berkata kerajaan negeri dalam perancangan untuk memberi tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi, menaik taraf infrastruktur dan memperkasakan belia.

"Buat masa ini, kerajaan negeri sentiasa memberi tumpuan untuk membina kualiti kehidupan yang lebih baik bagi penduduk tempatan.

"Kami (kerajaan negeri) sentiasa berusaha keras untuk memastikan kita dapat kembali kepada rakyat dan kita mahu mewujudkan hala tuju untuk semua rakyat serta untuk tujuan pembangunan negeri," katanya.

Beliau bercakap semasa menghadiri majlis perasmian Persidangan Pengurusan dan Pro-

fesional Kinabalu kali ke-5, 2018 di sini kelmarin.

Jenifer turut menekankan tentang keperluan orang ramai untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai revolusi perindustrian untuk menjamin dan mengekalkan rasa inovasi.

"Saya yakin bahawa persidangan ini boleh menjadi salah satu platform terbaik untuk semua meningkatkan kemahiran dan memperoleh maklumat baru dengan lebih banyak semasa sesi perkongsian terutamanya mengenai revolusi perindustrian," katanya.

Menurut beliau, isu yang berkaitan dengan revolusi industri adalah sesuatu yang harus diketahui oleh masyarakat secara menyeluruh.

"Kini terdapat satu cabaran baru yang perlu ditangani bagi memastikan ekonomi terus berkembang sejajar dengan perubahan industri semasa global," katanya.



**PERASMIAN...**Jenifer (dua dari kiri) bersama pegawai-pegawai UMS semasa perasmian Persidangan Pengurusan dan Profesional Kinabalu kali ke-5.

Beliau menegaskan bahawa pendekatan dan dasar baru sangat diperlukan untuk memastikan kehadiran teknologi baru dapat diasimilasikan dengan tepat ke dalam ekonomi.

Selain itu, ia juga memastikan bahawa kehadiran revolusi perindustrian tidak mempunyai kesan negatif yang tidak dapat dikawal oleh ekonomi.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D. Mudin berkata revolusi industri memerlukan masyarakat untuk lebih inovatif

dalam penggunaan teknologi sedia ada.

"Penggunaan teknologi seperti komputer, data dan kecerdasan buatan harus diasimilasikan dengan kuasa kreativiti manusia dan naluri manusia untuk menghasilkan output yang mematuhi objektif," katanya.

Seramai 100 peserta mengambil bahagian dalam persidangan dua hari bermula kelmarin (1 Ogos, Rabu) sehingga hari ini (2 Ogos, Khamis).

Turut hadir ialah Presiden bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional (PPPK), Azmi Jumat.